



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

SIARAN MEDIA

KDN MENJALANKAN SIASATAN MENYELURUH BERHUBUNG ISU OPERASI NETWORK SCHOOL DI FOREST CITY

1. PUTRAJAYA, 14 JULAI 2026 – Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengambil maklum kenyataan Kerajaan Negeri Johor berhubung isu operasi Network School di Forest City serta kebimbangan yang dibangkitkan oleh orang ramai berkaitan dakwaan penglibatan individu yang menggunakan pasport negara kedua untuk memasuki Malaysia.
2. KDN memandang serius sebarang perkara yang menyentuh aspek keselamatan negara, pematuhan terhadap undang-undang imigresen serta penyalahgunaan kemudahan imigresen Malaysia.
3. Sehubungan itu, KDN melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi berkaitan sedang menjalankan semakan dan siasatan menyeluruh, termasuk terhadap:
 - i. identiti dan kewarganegaraan individu yang terlibat;
 - ii. status serta kesahihan dokumen perjalanan yang digunakan;
 - iii. jenis pas atau kemudahan imigresen yang diberikan serta tujuan kemasukan ke Malaysia; dan
 - iv. pematuhan terhadap syarat-syarat yang ditetapkan di bawah undang-undang imigresen serta undang-undang lain yang berkaitan.
4. KDN turut bekerjasama rapat dengan semua kementerian dan agensi berkaitan bagi memastikan semua aspek yang berada di bawah bidang kuasa masing-masing disemak secara menyeluruh mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

5. Sekiranya hasil siasatan mendapati wujud sebarang pelanggaran undang-undang, penyalahgunaan pas imigresen, pemberian maklumat palsu atau apa-apa kesalahan lain yang menjejaskan keselamatan serta kepentingan negara, tindakan tegas akan diambil tanpa sebarang kompromi.
6. KDN ingin menegaskan bahawa Kerajaan MADANI tidak akan berkompromi terhadap mana-mana individu atau organisasi yang menyalahgunakan kemudahan imigresen negara atau menjalankan aktiviti yang bercanggah dengan undang-undang serta boleh menjejaskan keselamatan, ketenteraman awam dan kedaulatan negara.
7. Orang ramai dinasihatkan agar tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh mengganggu proses siasatan dan memberi ruang kepada pihak berkuasa menjalankan siasatan secara profesional, telus dan berlandaskan undang-undang.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

14 Julai 2026

- TAMAT -

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Dalam Negeri

mediaukom@moha.gov.my | pro@moha.gov.my | 03-88800806/0807/0812